

Sokong produk tidak kira bangsa pengeluar

Rakyat terima manfaat menerusi kempen beli barang buatan Malaysia

NOORAINULYAKIN ISHAK

KUALA LUMPUR

Kerajaan menyokong penuh kempen membeli barang buatan Malaysia, tidak mengira bangsa dan agama yang menghasilkan produk berkenaan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, sekiranya sambutan bagi barang buatan Malaysia meningkat, secara tidak langsung memberi banyak manfaat semula kepada rakyat yang menyokong kempen tersebut.

"Saya lebih selesa fokus beli barang buatan Malaysia tidak kira yang menghasilkannya bangsa apa atau agama apa.

"Jika ekonomi berkem-



Saifuddin Nasution bersama Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Muez Abd Aziz melawat gerai jualan di NU Sentral Mall, Kuala Lumpur semalam.

bang melalui kempen ini, rakyat yang akan nikmati faedahnya. Maka saya akan sokong mana-mana kempen yang menyokong barang buatan Malaysia," katanya kepada media selepas merasmikan Pra Pelancaran Kempen Beli Barang an Malaysia di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kempen memboykot produk bukan Muslim yang sedang hangat diperkatakan ketika ini.

Sementara itu, mengenai Kempen Beli Barang Malaysia, Saifuddin berkata, beliau mempelawa pihak industri dan orang ramai untuk menyertainya yang akan mula berlangsung pada 30 Oktober sehingga 3 November akan datang di Dataran Angsana Johor.

"Kempen begini akan membantu meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat terhadap barang tempatan dan turut menjadi medan pengusaha tempatan dalam memasarkan produk serta perkhidmatan mereka ke peringkat lebih tinggi.

"Selain ia juga dapat meningkatkan kesedaran itu masyarakat tentang kualiti produk serta perkhidmatan buatan Malaysia yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa," katanya.

Menurutnya, kempen yang membawakan tema #barangbaikbarangkitanya merupakan kesinambungan kempen terdahulu, namun kali ini dilakukan pada skala lebih besar dengan penyertaan lebih ramai pihak.